



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 4,  
62100 W.P. PUTRAJAYA**

**Telefon : 03-8891 5555  
Fax : 03-8891 5557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http ://www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [kpkt\\_gov](#)  
Facebook: [KPKTMalaysia](#)**

---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.40 (11)  
Tarikh: 6 Julai 2012

## **SIARAN MEDIA**

### **PELANCARAN PROJEK PEMULIHAN RUMAH TERBENGKALAI TAMAN SERI DERGA FASA III**

Alor Setar, 6 Julai 2012 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan melancarkan projek pemulihan 28 unit rumah berkembar satu yang terbengkalai di Taman Seri Derga Fasa III pada pagi ini. Projek pemulihan ini dimulakan setelah Mahkamah memutuskan pengulungan syarikat pemaju asal pada 18 Jun 2012. Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi. Pihak pelikuidasi pula melantik Unijaya Sdn. Bhd. sebagai kontraktor penyelamat.

Projek Taman Seri Derga Fasa III ini pada mulanya adalah sebuah projek perumahan yang dimajukan oleh Everise Acres Holdings Sdn. Bhd. di atas tanah lot 463 (P.T. 4969-P.T 5012) / HSM 11422 – HSM 11465 seluas 2.14 ekar di Alor Setar, Kedah milik tiga (3) tuan tanah iaitu Pn. Ishah binti Hj Wahab, En. Abdul Halim bin Wahab dan En. Ab. Aziz bin Wahab. Kerja pembinaan telah bermula pada tahun 2007 dan sepatutnya siap pada tahun 2009. Walau pun demikian, tahap kemajuan projek adalah lembap dan telah terhenti pada tahun 2009. Status kemajuan kerja di tapak pemulihan adalah seperti berikut, 28 unit RBST telah mencapai kemajuan sebanyak 60% [berdasarkan Jadual Ketiga (Fasa 4) Jadual Pembayaran Harga Beli, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966] tetapi hasil semakan dengan pihak pembiaya didapati bayaran kemajuan yang telah dibayar mencapai 80%.

Lapan (8) unit RBST dan Lapan (8) unit RBDT belum dibangunkan sama sekali. Jabatan Perumahan Negara telah dimaklumkan bahawa sebanyak satu (1) unit telah dijual dan pembeli berkaitan telah membuat bayaran deposit sebanyak RM1000. Semakan juga mendapati bahawa tapak projek tidak diletakkan kawalan keselamatan menyebabkan kehilangan pelbagai barangan di unit-unit rumah yang telah dibangunkan seperti wayar-wayar elektrik, kerangka pintu dan tingkap serta *tiles*.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran pegawai kanan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perumahan Negara, Pegawai kanan Kerajaan Negeri Kedah, Hall Chadwick *Corporate Advisory* Sdn. Bhd, Unijaya Sdn. Bhd dan pembeli rumah.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
e-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)